

MAJLIS ASPIRASI JALINAN INTEGRASI DI ANTARA FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM BERSAMA PIHAK INDUSTRI

15 September 2020

Kategori	:	Program Berimpak Tinggi	Sub-Kategori	:	Industri, Majlis, MOU/MOA
Peringkat Pelapor	:	Universiti	Bahagian	:	ICAEN
Tempat	:	Hotel Grand Bluewave, Shah Alam Selangor			
Penganjur	:	Fakulti Kejuruteraan Awam			
Penglibatan/Kerjasama	:	Staf – 25, Industri – 10, Masyarakat – 17			

Keterangan Program : Majlis Aspirasi Jalinan Intergrasi Fakulti Kejuruteraan Awam telah diadakan di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam Selangor pada 15 September 2020. Majlis jalinan industri ini menggabungkan majlis 'Bilut-CIMB Entrepreneurship Programme (BICEP)' dan juga majlis menandatangani MoU bersama Majlis Bandaraya Ipoh.

Majlis ini dimulakan dengan 'Bilut-CIMB Entrepreneurship Programme (BICEP)' dengan penyerahan 17 geran keusahawanan bernilai RM 250,000 daripada pihak CIMB Islamic kepada peserta FelDa, Bilut. Geran ini bertujuan membantu usahawan FELDA untuk memajukan perniagaan mereka.

Setelah itu, majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Bandaraya Ipoh diadakan melibatkan Datuk Bandar Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin dan Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim. Memorandum ini tercetus hasil persefahaman antara kedua pihak dalam penyediaan rancangan tempatan Ipoh 2035 (Penggantian) ke arah Ipoh Bandar Rendah Karbon 2030.

Progam yang berimpak tinggi ini telah mendapat liputan akhbar seperti Berita Harian, Sinar dan Bernama. Link untuk liputan akhbar boleh didapati daripada:

<https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/09/731897/cimb-islamic-felda-teroka-kerjasama-bantu-peneroka>

<https://peraktoday.com.my/2020/09/mbi-meterai-mou-dengan-uitm/>

Pencapaian : -



